

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]**

**TARIKH : 22.03.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan atau keputusan Panel Penilaian Operasi SPRM dan tindakan selanjutnya (setakat 15 Februari 2016) berhubung kes terhadap YAB Perdana Menteri mengenai dana RM2.6 bilion di dalam akaun peribadi beliau.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Keputusan kes ini telah dibentangkan kepada Panel Penilaian Operasi (PPO) setelah Peguam Negara membuat keputusan. PPO telah mengambil maklum keputusan berkenaan dan menasihatkan SPRM supaya 'engage' dengan pihak Jabatan Peguam Negara berkaitan keputusan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 22.3.2016**

**SOALAN : NO. 66**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian hendak memperkenalkan semula mata pelajaran pendidikan Islam setelah ditiadakan, sedangkan ia dapat membantu pelajar untuk menghadapi cabaran moden pada masa kini di samping menambahkan kualiti graduan politeknik.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, politeknik sentiasa melaksanakan langkah penambahbaikan kurikulum selaras dengan Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi iaitu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Walaupun kursus pendidikan Islam tidak ditawarkan secara khusus dalam program politeknik, pengukuhan pendidikan Islam di Politeknik diterapkan melalui penambahbaikan kurikulum kursus Mata Pelajaran Umum berkredit merentas semua bidang program pengajian.

Sebagai contoh, dalam semester dua program diploma di politeknik, modul pendidikan Islam yang mempunyai 2 kredit adalah seperti berikut:

- a. Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam
- b. Pengurusan dalam Islam
- c. Hospitaliti dan Pelancongan dalam Islam
- d. Seni dalam Islam

Manakala, pada semester keenam, modul pendidikan Islam yang mempunyai 2 kredit ialah Komunikasi dan Penyiaran Dalam Islam.

Kandungan modul pendidikan Islam yang diajar secara khusus mencakupi bidang aqidah, ibadah, muamalat, akhlak dan Tamadun Islam. Penilaian ke atas pelajar dilaksanakan secara teori dan amali dari semasa ke semasa melalui kuiz, peperiksaan dan penilaian semasa amali dan pembentangan. Dengan cara ini, graduan politeknik diyakini dapat menerap ciri holistik dan seimbang dalam diri agar mereka mampu mendepani cabaran moden sebagai warganegara yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.